



## “PESANAN KHUTBATUL WADA’ RASULULLAH SAW”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ... الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ  
وَأَتَمَّمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا إِيَّاهُ وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dikalangan orang-orang yang



beriman kepada Allah SWT, sentiasa ingat kepada-Nya dan juga mengharapkan dapat bertemu dengan-Nya.

Khutbah pada hari ini mengingatkan kita kepada **"PESANAN KHUTBATUL WADA' RASULULLAH SAW"**.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Padang Arafah telah menjadi saksi berlakunya satu peristiwa penting yang tidak boleh dilupakan oleh setiap insan yang beriman kepada Allah SWT dan rasul-Nya. Disinilah Rasulullah SAW telah menyampaikan khutbah yang terakhir kepada umatnya yang dikenali dengan Khutbatul Wada' (Khutbah Perpisahan), satu khutbah yang menyentuh jiwa dan perasaan setiap manusia yang hadir di Padang Arafah, juga kepada semua generasi sesudah mereka yang mendengarnya.

Khutbatul Wada' jika diperhalusi dengan mendalam isi kandungannya, penuh dengan pesanan dan peringatan kepada umat masa kini, untuk memandu manusia dalam segenap aspek kehidupan, samada secara individum masyarakat mahupun negara.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT sekalian,**

Walaupun musim haji telah lama berlalu, akan tetapi ingatan kita tentang Khutbatul Wada' (Khutbah Perpisahan) amat terkesan dalam setiap sanubari kita sebagai umat Islam. Bersempena dengan memperingati Maulidur Rasul SAW marilah kita menghayati beberapa intipati penting pesanan Rasulullah SAW yang penuh dengan peringatan ini. Antaranya adalah;



**Pertama : Larangan membunuh jiwa dan mengambil harta orang lain tanpa alasan yang hak;**

Sesungguhnya Islam meletakkan nyawa dan harta umatnya sebagai suatu kemuliaan yang wajib dijaga dan dipertahankan.

Hadis daripada Ibnu Mas'ud RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Sesungguhnya darah dan harta kamu, semua itu adalah haram ke atas kamu sebagaimana kesucian hari kamu ini (hari Arafah) pada bulan ini (Zulhijjah) dan di negeri yang suci ini (Arafah)".*

*(Riwayat Bukhari dan Muslim).*

Walau bagaimanapun kita menyaksikan hari ini betapa nyawa dan harta umat Islam tidak lagi menjadi satu kemuliaan sebagaimana yang Rasulullah peringatkan. Betapa ramai daripada kalangan umat Islam yang berbunuhan dan merompak harta sesama sendiri. Kita melihat pembunuhan demi pembunuhan yang berlaku di negara umat Islam dengan cara yang cukup tidak berperikemanusiaan seperti di Mesir, Iraq, Syria dan di negera-negara Islam yang lain. Lihatlah bagaimana harta umat Islam diambil dan dirampas tanpa alasan yang benar, diambil dengan cara yang batil, melakukannya dengan penipuan, memanipulasi, pemerasan dan lain-lain. Tindakan yang bertentangan dengan pesanan Nabi SAW ini pastinya akan membawa kepada kemurkaan Allah SWT dan seterusnya mendapat balasan seksaan daripada-Nya.

**Kedua : Kewajipan meninggalkan tradisi dan amalan jahiliyyah; pembunuhan dan riba;**



Pengamalan riba yang dilaksanakan pada hari ini adalah satu amalan meningkatkan keuntungan ekonomi semenjak dari zaman jahiliyyah lagi dan amalan riba ini adalah sangat zalim kerana ianya mengambil hak orang orang lain dengan cara yang batil. Justeru, Islam telah mengharamkan amalan riba ini seperti mana yang dinyatakan dalam surah al-Baqarah ayat 278:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ  
الرِّبَا إِن كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ

*"Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan tinggalkan sisa riba (yang belum dipungut) jika kamu orang-orang yang beriman".*

### **Sidang Jumaat yang berbahagia,**

Sistem yang berteraskan riba kembali menjadi teras ekonomi dalam kehidupan individu dan masyarakat. Mereka menerapkan sistem riba ini tanpa rasa berdosa dan takut kepada Allah sedikit pun. Sebahagian besar mereka yang terlibat dengan amalan jahiliyyah ini tanpa merasa bersalah dengan perbuatan haram yang mereka lakukan, seolah-olah riba ini suatu amalan yang halal dan sah diambil. Mereka langsung tidak menghiraukan ancaman Allah SWT dan rasul-Nya tentang seksa yang pedih yang akan mereka terima atas muamalat riba yang mereka gunakan, malah mereka sentiasa mencari berbagai-bagai dalih dan alasan untuk mengatakan perbuatan mereka adalah betul.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**



### **Ketiga: Berwaspada dengan gangguan syaitan dan kewajipan menjaga agama;**

Syaitan merupakan musuh utama bagi manusia. Syaitan akan sentiasa mengajak manusia kearah kejahatan, permusuhan, kemaksiatan yang akan menjerumuskan seseorang itu kearah kebinasaan dan kemusnahan.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 168-169:

...وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ  
مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾ إِنَّمَا يَأْمُرُكُمْ بِالسُّوءِ وَالْفَحْشَاءِ وَأَنْ تَقُولُوا  
عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٦٩﴾

*"...dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu. Sesungguhnya syaitan itu hanya menyuruh kamu berbuat jahat dan keji, dan mengatakan terhadap Allah apa yang tidak kamu ketahui".*

Justeru, untuk melawan godaan syaitan, maka menjadi kewajipan kepada umat Islam supaya dapat menjaga kewajipan beragama dengan memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta yang ianya merupakan perkara utama menurut Maqasid Syar'iyah. Kesemua pemeliharaan ini sebagai keperluan yang bersifat asasi dalam kehidupan setiap individu muslim.

### **Keempat: Larangan mengharamkan apa yang dihalalkan dan sebaliknya;**



Sesungguhnya persoalan halal dan haram adalah hak Allah SWT. Islam adalah satu-satunya agama yang mampu menjaga fitrah kemanusiaan. Tidak mungkin Islam menghalalkan perkara-perkara yang mendatangkan mudharat kepada manusia, juga mengharamkan perkara yang memberi maslahat kepada manusia. Sesuatu yang halal maka ia adalah halal, perkara yang haram maka ia adalah haram. itu merupakan prinsip asas dalam Islam.

Firman Allah dalam surah al-Maidah ayat 87:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَحْرِمُوا طَيِّبَاتِ مَا أَحَلَّ اللَّهُ  
لَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ﴿٨٧﴾

*“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu haramkan apa-apa yang baik yang telah Allah halalkan bagi kamu, dan janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.”*

#### **Kelima: Kewajipan memuliakan wanita (isteri);**

Isteri merupakan amanah Allah SWT, dan Allah juga telah menghalalkan bergaul dengan mereka dengan kalimah yang suci. Islam telah memerintahkan para suami supaya menjaga hak-hak isteri agar para suami sentiasa bersikap lemah lembut kepada isteri, menggauli dan memperlakukannya dengan ma'rif (baik). Hingga ketika menasihati, memberi hukuman dan bahkan jika terpaksa memukul dalam tujuan mendidik pun tetap dengan cara yang baik. Suami memiliki hak yang menjadi kewajipan



isteri penuhi, maka perlu diingat bahawa isteri juga memiliki hak yang menjadi kewajipan dipenuhi oleh para suami.

Hadis dari 'Aisyah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Orang yang paling baik di antara kalian adalah yang paling baik kepada isterinya dan aku adalah yang paling baik di antara kalian kepada isteriku".*

*(Riwayat Abu Daud dan at-Tirmizi).*

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

**Keenam: Kewajipan berpegang teguh kepada al-Quran dan as-Sunnah.**

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Aku tinggalkan kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama mana kamu berpegang dengan kedua-duanya, iaitu kitab Allah (al-Quran) dan sunnahku".*

*(Riwayat Imam Malik).*

Sebagai umat yang beriman dengan al-Quran, kewajipan kita menjadikan al-Quran sebagai kitab bacaan dan rujukan utama dalam kehidupan seharian dan sentiasa memohon perlindungan daripada Allah SWT. Oleh yang demikian, dalam kesibukan harian, kita hendaklah berusaha sedaya upaya meluangkan masa untuk diri dan keluarga dalam mencari keredhaan Allah SWT. Janganlah kita menjadi seperti segelintir orang yang mendakwa berilmu tetapi mereka tidak membaca al-Quran, dan tidak beramal dengannya, mereka ini tidak termasuk dalam golongan yang mendapat syafaat al-Quran pada hari kiamat kelak.



Hadis daripada Abu Umamah al-Bahili bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Bacalah al-Quran maka sesungguhnya al-Quran akan datang pada hari Kiamat memberi syafaat kepada orang yang membacanya dan beramal dengan isi kandungannya.*

*(Riwayat Muslim).*

**Ketujuh: Kewajipan patuh dan taat kepada pemimpin, siapa pun dia selama masih berpegang teguh kepada al-Quran.**

Kewujudan kepimpinan yang stabil bagi sesebuah negara dilihat sebagai satu aspek yang penting dalam Islam. Tanpa wujudnya pemimpin, kepentingan rakyat tidak akan mampu ditadbir dengan baik. Apabila masyarakat dibiarkan tanpa pemimpin nescaya keadaan akan menjadi huru-hara di mana golongan yang kuat akan menindas kaum yang lemah. Tanpa pemimpin undang-undang rimba akan ditegakkan dan kezaliman akan bermaharajalela. Justeru, urusan kepimpinan merupakan salah satu dasar utama dalam Islam. Lantaran itu Islam telah meletakkan beberapa dasar yang penting tentang bagaimana perlunya mentaati pemimpin demi menjamin kestabilan politik serta kemakmuran dalam masyarakat di sesebuah negar Islam.

Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa' ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي  
الْأَمْرِ مِنْكُمْ...





*“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul, dan orang-orang yang berkuasa antara kamu...”*”.

Namun Islam hanya menetapkan kewajiban untuk mendengar dan taat kepada pemimpin selagi mana pemimpin itu tidak menyuruh membuat perkara-perkara yang berunsur maksiat.

### **Muslimin sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Antara pengajaran daripada Khutbatul Wada' (Khutbah Perpisahan) yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan kita ialah;

1. Umat Islam wajib menunaikan hak yang perlu dipenuhi iaitu hak kepada Allah SWT, hak kepada Rasulullah SAW dan hak kepada manusia. Hak ini tidak boleh dizalimi dan dianiayai.
2. Umat Islam wajib mengurus niaga dengan institusi-institusi kewangan yang berteraskan patuh syariah bagi kelangsungan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.
3. Umat Islam wajib beramal soleh sepertimana yang ditunjukkan dalam kehidupan Rasulullah SAW. Amalan soleh ini dapat menjaga agama untuk kebaikan di dunia dan juga di akhirat.
4. Umat Islam hendaklah menjaga kesucian agama Islam dan ajarannya yang bersifat Syumul dan melengkapi segala aspek kehidupan umat Islam.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ



هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ  
آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا  
مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢﴾

*“ Dialah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah da kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka kitab Allah (alQuran) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hokum-hukum Syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.*

*(al-Jumuah - 2).*



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: 'إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ  
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا  
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ  
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ ،  
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ  
شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ  
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .  
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ  
لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا  
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka



yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.